

Latihan medan uji kadet Palapes UKM, USIM

KENTAL. Seramai 500 pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai sesi latihan tahunan di Mempaga, Pahang

baru-baru ini.

Latihan selama enam hari itu memberi peluang kepada pegawai-kadet terlibat mempelajari pelbagai teknik baharu ketenteraan selain merasai pengalaman menyertai operasi di

dalam hutan.

Pada masa sama, latihan itu turut menguji kemahiran pegawai kadet peringkat dua dan tiga dalam fasa peperangan konvensional manakala kadet peringkat satu pula diuji dalam

melaksanakan operasi melawan pemberontakan.

Hadir sama pada majlis penutup latihan itu ialah Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Noor Azlan Ghazali dan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahad.



PEGAWAI kadet Palapes dari UKM dan USIM bergambar bersama selepas menamatkan latihan tahunan selama enam hari di Mempaga, Pahang baru-baru ini.